

News Release

4 September 2025

For immediate release

MALAYSIA'S AIR TRAVEL NEARS FULL RECOVERY

July 2025 Passenger Traffic Hits 9.3 Million, Close to Pre-Pandemic Levels

PUTRAJAYA – The Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM) is pleased to announce that Malaysia's aviation sector is on track for full recovery, with monthly passenger traffic reaching 9.3 million in July 2025. This represents a 3.9% month-on-month (MoM) increase from June and a 5.3% year-on-year (YoY) rise compared to July 2024. The figure now stands at 96.8% of July 2019's pre-pandemic level of 9.6 million passengers, highlighting a promising recovery trend in both domestic and international air travel.

From January to July 2025, the sector reported a total of 61.2 million passengers, moving steadily towards the forecast of 105.8 to 112.9 million passengers for the entire year.

International passenger traffic in Malaysia continues to outpace domestic demand, reflecting Malaysia's growing appeal as a global travel destination. In July, international passenger traffic increased by 9.6% MoM and 3.4% YoY, reaching 4.7 million passengers, nearly matching pre-pandemic figures at 98.7% of July 2019 levels.

Several factors are contributing to this growth. These include an expansion of seat capacity on both domestic and international routes, the implementation of 30-day visa exemptions for tourists from key markets such as China and India, and the introduction of new international flight routes. Some notable new connections include direct flights from Kota Kinabalu to Daegu in South Korea, Subang to Bangkok in Thailand, and Kuala Lumpur to Palembang in Indonesia.

In terms of passenger distribution by region, flights between Malaysia and ASEAN countries transported 2.2 million passengers. Meanwhile, routes between Malaysia and non-ASEAN countries saw a significant increase, with a 13.3% rise MoM and a 9.6% increase YoY, bringing the total to 2.5 million passengers.

Domestic passenger traffic experienced a slight decline of 1.3% MoM, primarily due to national public holidays and school holidays occurring in June as compared to July. Despite this decrease, the number of domestic passengers still reached 4.6 million, representing a 7.4% increase YoY and is at 94.8% of July 2019 levels.

Major airports across Malaysia have reported positive YoY growth figures for July 2025. KL International Airport Terminal 1 and 2 (KUL) experienced a growth rate of

News Release

4.4%. Senai International Airport (JHB) recorded the highest growth at 9.7%, while Kota Kinabalu International Airport (BKI) and Langkawi International Airport (LGK) reported growth rates of 7.2% and 6.6%, respectively. Additionally, Penang International Airport (PEN) recorded a growth rate of 4.0%, while Kuching International Airport (KCH) saw an increase of 0.2%.

In addition to passenger traffic, Malaysia's air cargo movements showed a rebound in July, rising by 11.4% from 83.5 million kilograms (kg) in June 2025. However, YoY cargo movements experienced a slight decline of 2.8%, totaling 93.0 million kg, down from 95.7 million kg in July 2024. This decline is attributed to the normalisation of shipment patterns, as tariff-driven frontloading in April and May tapered off in June and July.

Second quarter of 2025 (2Q25) performance

In 2Q25, Malaysia's air passenger traffic showed a continued upward trend, increasing by 10.5% YoY to 26.5 million passengers, up from 24.0 million in the same quarter last year. This represents a 4.4% growth compared to the previous quarter, bringing overall passenger volumes to 99.3% of the pre-pandemic levels recorded in 2019. International passenger movements reached 12.9 million, representing a 6.5% YoY increase. However, there was a slight decline of 2.3% compared to the previous quarter, achieving 98.9% of the levels seen in 2019. Domestic travel showed strong growth, with a 14.7% YoY increase and an 11.8% quarter-on-quarter (QoQ) increase to 13.7 million passengers, reaching 99.6% of pre-pandemic levels.

Total cargo movements increased by 4.4% YoY to 272.9 million kg, supported by a 3.8% increase in international cargo, which totalled to 202.9 million kg. In contrast, domestic cargo declined by 1.2%, reaching 60.8 million kg. On a QoQ basis, overall cargo volumes decreased by 1.2% compared to 1Q25, with domestic cargo movements falling by 8.3%, while international cargo recorded a slight decrease of 0.7%.

Dato' Captain Norazman Mahmud, Chief Executive Officer of CAAM, emphasised the resilience of the aviation sector. He stated, "Malaysia's aviation industry is on a clear path to full recovery in 2025, driven by strong international demand, strategic connectivity, and government initiatives that enhance travel convenience. This positive trajectory is further reinforced by the recent rationalisation of the Malaysian Aviation Commission's (MAVCOM) economic functions under CAAM, creating a more unified and robust civil aviation regulatory framework for the nation. Together, these developments underscore our commitment to sustaining growth and resilience within Malaysia's aviation sector while upholding global best practices, regulatory excellence, and fostering innovation through strategic collaboration."



News Release

About Civil Aviation Authority of Malaysia

The Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM) is the national aviation regulator, entrusted with ensuring the safety, security, and efficiency of Malaysia's civil aviation sector. CAAM provides comprehensive safety and security oversight of flight operations, aviation personnel licensing, and is responsible for the provision of air navigation services and air traffic management across Malaysian airspace. Operating in accordance with international standards set by the International Civil Aviation Organization (ICAO), CAAM is committed to fostering a safe, sustainable, and forward-looking aviation ecosystem through regulatory excellence, innovation, and strategic collaboration.

For media enquiries, kindly contact:

Anis Rahim at 012 336 4353 or via email at anis.rahim@caam.gov.my



Kenyataan Media

4 September 2025

Untuk siaran segera

PELANCONGAN UDARA NEGARA HAMPIR PULIH SEPENUHNYA:

Trafik Penumpang Julai 2025 Capai 9.3 Juta, Menghampiri
Paras Pra-Pandemik

PUTRAJAYA – Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) hari ini mengumumkan bahawa sektor penerbangan negara kekal berada di landasan kukuh ke arah pemulihan sepenuhnya sektor pelancongan udara dengan pencapaian jumlah trafik penumpang bulanan mencecah 9.3 juta pada Julai 2025. Pencapaian ini merekodkan peningkatan 3.9 peratus bulan ke bulan (MoM) berbanding Jun, serta pertumbuhan 5.3 peratus tahun ke tahun (YoY) berbanding Julai 2024. Pencapaian ini juga menandakan peningkatan kepada 96.8 peratus daripada paras pra-pandemik Julai 2019 iaitu 9.6 juta penumpang, menandakan trajektori pemulihan yang memberangsangkan bagi sektor penerbangan domestik dan antarabangsa.

Bagi tempoh antara Januari hingga Julai 2025, sektor penerbangan merekodkan keseluruhan 61.2 juta penumpang, menuju unjuran tahunan antara 105.8 hingga 112.9 juta penumpang.

Trafik penumpang antarabangsa terus mengatasi permintaan domestik, mencerminkan daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan global. Pada bulan Julai, trafik penumpang antarabangsa meningkat sebanyak 9.6% MoM dan 3.4% YoY, dengan jumlah 4.7 juta penumpang, hampir menyamai angka pra-pandemik dengan 98.7% daripada paras Julai 2019.

Beberapa faktor utama menyumbang kepada pertumbuhan ini, termasuk peningkatan kapasiti tempat duduk bagi laluan domestik dan antarabangsa, pelaksanaan pengecualian visa 30 hari untuk pelancong dari pasaran utama seperti China dan India, serta pengenalan laluan penerbangan antarabangsa baharu. Antara laluan baharu tersebut ialah penerbangan terus dari Kota Kinabalu ke Daegu (Korea Selatan), Subang ke Bangkok (Thailand) dan Kuala Lumpur ke Palembang (Indonesia).

Dari segi agihan penumpang, penerbangan antara Malaysia dan negara ASEAN mencatat 2.2 juta penumpang, manakala laluan antara Malaysia dan negara bukan ASEAN merekodkan pertumbuhan lebih kukuh dengan kenaikan sebanyak 13.3% MoM dan 9.6% YoY kepada 2.5 juta penumpang.



Kenyataan Media

Trafik penumpang domestik mengalami sedikit penurunan sebanyak 1.3% MoM, disebabkan oleh cuti umum dan cuti sekolah yang berlaku pada bulan Jun berbanding Julai. Walaupun terdapat penurunan, jumlah penumpang domestik masih mencapai 4.6 juta, menunjukkan peningkatan 7.4% YoY dan berada pada 94.8% daripada paras Julai 2019.

Lapangan terbang utama di seluruh Malaysia turut merekodkan pertumbuhan YoY yang positif bagi Julai 2025. Lapangan Terbang Antarabangsa KL Terminal 1 dan 2 (KUL) mencatat pertumbuhan 4.4%, manakala Lapangan Terbang Antarabangsa Senai (JHB) merekodkan kadar tertinggi sebanyak 9.7%. Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (BKI) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi (LGK) masing-masing mencatat pertumbuhan 7.2% dan 6.6%. Selain itu, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PEN) merekodkan pertumbuhan 4.0%, manakala Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (KCH) meningkat sebanyak 0.2%.

Selain trafik penumpang, pergerakan kargo udara turut menunjukkan peningkatan sebanyak 11.4% kepada 83.5 juta kilogram (kg) pada Julai berbanding Jun 2024. Namun begitu, perbandingan YoY mencatat sedikit penurunan sebanyak 2.8% kepada 93.0 juta kg, berbanding 95.7 juta kg pada Julai 2024. Penurunan ini disebabkan oleh normalisasi corak penghantaran (shipment patterns), di mana aktiviti pemuatan hadapan (frontloading) pada April dan Mei yang didorong oleh jangkaan pelaksanaan tarif mula berkurangan pada Jun dan Julai.

Prestasi Suku Kedua 2025 (2Q25)

Pada 2Q25, trafik penumpang udara Malaysia meneruskan trend peningkatan, dengan pertumbuhan YoY sebanyak 10.5% kepada 26.5 juta penumpang, berbanding 24.0 juta pada suku yang sama tahun lalu. Ini mewakili pertumbuhan 4.4% berbanding suku sebelumnya, menjadikan jumlah keseluruhan menghampiri 99.3% daripada paras pra-pandemik 2019. Trafik penumpang antarabangsa mencecah 12.9 juta, meningkat 6.5% YoY. Walau bagaimanapun, trafik penumpang udara merekodkan sedikit penurunan 2.3% berbanding suku sebelumnya, dengan pencapaian 98.9% daripada paras 2019. Perjalanan domestik pula menunjukkan pertumbuhan kukuh dengan mencatat peningkatan sebanyak 14.7% YoY dan 11.8% suku ke suku (QoQ) kepada 13.7 juta penumpang, iaitu 99.6% daripada paras pra-pandemik.



Kenyataan Media

Jumlah trafik kargo udara meningkat 4.4% YoY kepada 272.9 juta kg, disokong oleh peningkatan 3.8% dalam kargo antarabangsa yang berjumlah 202.9 juta kg. Sebaliknya, kargo domestik susut 1.2% kepada 60.8 juta kg. Dari segi QoQ, jumlah keseluruhan kargo menurun 1.2% berbanding 1Q25, dengan kargo domestik menyusut sebanyak 8.3%, manakala kargo antarabangsa mencatat penurunan kecil sebanyak 0.7%.

Dato' Kapten Norazman Mahmud, Ketua Pegawai Eksekutif CAAM, menegaskan daya tahan sektor penerbangan negara, "Industri penerbangan Malaysia kekal berada pada landasan kukuh untuk mencapai pemulihian sepenuhnya menjelang 2025, dipacu oleh permintaan antarabangsa yang teguh, kesalinghubungan strategik serta inisiatif kerajaan yang mempertingkat kemudahan perjalanan. Trajektori positif ini turut diperkuat melalui rasionalisasi fungsi ekonomi Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) di bawah CAAM, yang mewujudkan kerangka kawal selia penerbangan awam negara yang lebih mantap dan bersepada. Langkah ini mencerminkan komitmen kami untuk mengekalkan pertumbuhan dan daya tahan sektor penerbangan Malaysia sambil menegakkan amalan terbaik global, kecemerlangan kawal selia dan menggalakkan inovasi melalui kerjasama strategik."

Mengenai Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia

Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) merupakan badan kawal selia yang diamanahkan untuk menyelia dan memastikan keselamatan serta kecekapan penerbangan awam di Malaysia. Berpegang kepada komitmen CAAM terhadap piawaian penerbangan antarabangsa serta amalan terbaik, CAAM mengawal selia di samping turut menggalakkan pertumbuhan industri penerbangan yang mampan.

CAAM menyediakan pengawasan merangkumi perkhidmatan navigasi udara, pelesenan kakitangan penerbangan dan operasi penerbangan awam selain menggalakkan inovasi dan mengekalkan tahap pematuhan yang tinggi terhadap piawaian Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO).

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Anis Rahim di talian 012 336 4353 atau emel ke anis.rahim@caam.gov.my